

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN.

1981

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD PASTI AKAN MENJADI PERDANA MENTERI SEKIRANYA DATUK HUSSEIN ONN MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MELETAKKAN JAWATAN SEBELUM ATAU SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 26 JUN.

PARA PEMERHATI POLITIK DI SINI BERPENDAPAT TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA PASTI AKAN TERPILIH TANPA BERTANDING EEBAGAI PRESIDEN UMNO MENGGANTIKAN DATUK HUSSEIN JIKA PERDANA MENTERI MENOLAK PENCALONANNYA SEBAGAI PRESIDEN PARTI.

MENURUT ANJALAN MEREKA, BEKAS MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HAJI HARUN IDRIS YANG TELAH DICALONKAN UNTUK JAWATAN ITU SETAKAT INI DAN MAJI SULAIMAN PALESTINE YANG TELAH MENYATAKAN MINAT UNTUK TURUT BERTANDING, BESAR KEMUNGKINAN AKAN MENARIK DIRI UNTUK MEMBOLEHKAN PEMINDAHAN KUASA DENGAN LICIN.

DUA ORANG LAGI BAKAL PENCABAR BAGI JAWATAN ITU IAITU MENTERI PELAJARAN DATUK MUSA HITAM DAN MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO, JUGA DIJANGKA TIDAK AKAN BERTANDING KERANA KEDUA-DUA MEREKA TELAH MENYATAKAN BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN MENENTANG DATUK HUSSEIN ATAU DATUK SERI DR. MAHATHIR. —BERSAMBUNG 1840/MD

PM-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

SEKIRANYA DATUK HUSSEIN MELETAKKAN JAWATAN SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG SETELAH TERPILIH SEMULA SEBAGAI PRESIDEN UMNO, PARA PEMERHATI MERASAKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK AKAN MENGHADAPI SEBARANG MASALAH UNTUK MENGISI KEKOSONGAN ITU.

SUNGGUHPUN PERLEMBAGAAN UMNO TIDAK MENETAPKAN YANG TIMBALAN PRESIDEN PARTI SEHARUSNYA MEMEGANG JAWATAN TERTINGGI SEKIRANYA PRESIDEN PARTI MELETAKKAN JAWATAN PERDANA MENTERI, KONVENSYEN PARTI BOLEH BERBUAT DEMIKIAN, TAMBAH MEREKA.

SATU LAGI PERSOALAN YANG MUNGKIN BERBANGKIT IALAH SIAPAKAH YANG AKAN MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI SEKIRANYA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJADI PERDANA MENTERI.

SEKIRANYA BENAR YANG DATUK HUSSEIN TIDAK BERHASRAT UNTUK DICALONKAN SEMULA SEBAGAI PRESIDEN PARTI DAN SEBALIKNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR BERTANDING, SUMBER-SUMBER MENYATAKAN BAHAWA DATUK MUSA DAN TENGGU RAZALEIGH SUDAH TENTU AKAN BERTANDING UNTUK MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN DAN SETERUSNYA MEMBOLEHKAN PARA PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG ITU MEMBUAT PILIHAN MEREKA SENDIRI.

SEBALIKNYA JIKA DATUK HUSSEIN MELETAKKAN JAWATAN HANYA SELEPAS PERHIMPUNAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TERPAKSA MEMILIH SENDIRI BAKAL TIMBALANNYA. —BERSAMBUNG 1844/MD

PM-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK HAJI MUSTAPHA JABAR BERKATA DI SINI HARI INI BAHAWA BELIAU TIDAK TAHU MENAHU TENTANG LAPORAN KONONNYA PERDANA MENTERI AKAN MELETAKKAN JAWATAN.

BELIAU JUGA TIDAK MENGESAH TAYUN MENAFIKAN SPEKULASI AKHBAR BAHAWA DATUK HUSSEIN AKAN MEMBUAT SATU PENGUMUMAN PENTING SEMASA BELIAU MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU 15 MEI INI.

MENGENAI +MESYUARAT PENTING+ MAJLIS TERTINGGI UMNO YANG DIJADUALKAN BERLANGSUNG DI IBUPEJABAT UMNO PETANG ISNIN INI, DATUK HAJI MUSTAPHA BERKATA TIDAK ADA SESUATU YANG LUAR BIASA TENTANG MESYUARAT ITU.

+SEBENARNYA BUKAN MESYUARAT TETAPI MAJLIS KENDURI BAGI MERAYAKAN ULANGTAHUN KE-35 UMNO+, UJARNYA.

DITANYA SAMA ADA DATUK HUSSEIN TELAH MENERIMA PENCALONANNYA BAGI JAWATAN PRESIDEN, DATUK HAJI MUSTAPHA MENYATAKAN PERDANA MENTERI MASIH BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN.

+RAMAI YANG MASIH BELUM BERBUAT DEMIKIAN. WALAU APA SEKALI PUN, ADALAH MASIH AWAL BAGI MEREKA MEMBERIKAN JAWAPAN KERANA CALON-CALON DIBERI TEMPOH SEMINGGU SELEPAS 31 MEI IAITU HARI TERAKHIR PENCALONAN+.

DITANYA PULA SAMA ADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DIBENARKAN MEMBUAT PENCALONAN BARU ATAU PENCALONAN GANTIAN MEMANDANGKAN PERUBAHAN YANG DIJANGKAKAN, BELIAU MENYATAKAN TIDAK PERLU BAGI MEREKA BERBUAT DEMIKIAN.

TAMBAHNYA: +MASIH BANYAK BAHAGIAN YANG BELUM MENGADAKAN PERSIDANGAN MASING-MASING. BAHAGIAN-BAHAGIAN INI BOLEH MENCALONKAN SESIAPA SAHAJA YANG DISUKAI+. --BERNAMA 1852/MD